

# **Perkembangan dan Kepentingan Kutub Khanah Orang Ramai Malaya Dalam Strategi Perjuangan *Malayan Chinese Association* (MCA)**

**LUA Zyn Lan, Prof. Dr. Sivachandralingam Sundara Raja,  
Dr. Noraini Binti Mohamed Hassan \***  
*Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya*

## **Abstrak**

Artikel ini meneliti latar belakang penubuhan Kutub Khanah Orang Ramai di Persekutuan Tanah Melayu pada pertengahan tahun 1950-an serta menganalisis kepentingannya dalam strategi perjuangan politik *Malayan Chinese Association* (MCA). Penubuhan Kutub Khanah ini berkait rapat dengan keadaan sosio-politik semasa Darurat serta pembentukan kampung baru Cina hasil dasar penempatan semula oleh kerajaan British. Melalui penubuhan institusi ini, MCA berusaha menyediakan bahan bacaan, menggalakkan pendidikan masyarakat melalui kelas pendidikan dewasa serta menganjurkan pelbagai aktiviti sosial dan kebudayaan dalam kalangan penduduk kampung baru. Selain berfungsi sebagai pusat pendidikan dan kebudayaan, Kutub Khanah turut memainkan peranan sebagai instrumen sosial dan ideologi dalam usaha membendung pengaruh fahaman komunis dalam kalangan masyarakat Cina. Dalam konteks ini, penubuhan Kutub Khanah boleh ditafsirkan sebagai sebahagian daripada strategi MCA untuk memperbaiki imej politik masyarakat Cina yang sering dikaitkan dengan gerakan komunis serta pada masa yang sama menunjukkan komitmen masyarakat tersebut terhadap proses pembinaan negara. Kajian ini juga menunjukkan bahawa perkembangan Kutub Khanah bukan sahaja memberi peluang pendidikan kepada masyarakat Cina yang terjejas akibat gangguan sistem pendidikan semasa Perang Dunia Kedua, malah turut menyumbang kepada pengukuhan hubungan antara kaum melalui

---

\* LUA Zyn Lan, calon PHD, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, zynlan1@gmail.com; Prof. Dr. Sivachandralingam Sundara Raja, Profesor, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya; Dr. Noraini Binti Mohamed Hassan, Pensyarah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

usaha penubuhan Kutub Khanah Melayu. Oleh itu, gerakan Kutub Khanah dapat dilihat sebagai satu inisiatif penting dalam usaha memperkukuhkan integrasi sosial, meningkatkan tahap pendidikan masyarakat serta memupuk semangat patriotisme dalam masyarakat Tanah Melayu pada era tersebut.

***Kata kunci:*** Malayan Chinese Association (MCA), Kutub Khanah, kampung baru Cina, kelas pendidikan dewasa

## **The Development and Importance of *Kutub Khanah Orang Ramai* in the Struggle Strategy of the Malayan Chinese Association (MCA)**

LUA Zyn Lan, Prof. Dr. Sivachandralingam Sundara Raja,  
Dr. Noraini Binti Mohamed Hassan  
*Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences,  
Universiti Malaya*

### **Abstract**

This article examines the background of the establishment of *Kutub Khanah Orang Ramai* (public libraries) in the Federation of Malaya during the mid-1950s and analyses their significance within the political strategy of the Malayan Chinese Association (MCA). The establishment of these libraries was closely linked to the socio-political conditions during the Emergency, as well as the creation of Chinese new villages under the British government's resettlement policy. Through the establishment of these institutions, the MCA sought to provide reading materials, promote community education through adult education classes, and organize various social and cultural activities among the residents of the new villages. In addition to functioning as centres of education and culture, the *Kutub Khanah* also played a role as a social and ideological instrument in efforts to curb the influence of communist ideology among the Chinese community. In this context, the establishment of *Kutub Khanah* can be interpreted as part of the MCA's strategy to improve the political image of the Chinese community, which was often associated with communist movements, while at the same time demonstrating the community's commitment to the nation-building process. This study also shows that the development of *Kutub Khanah* not only provided educational opportunities for the Chinese community affected by disruptions to the education system during the Second World War, but also contributed to strengthening interethnic relations through efforts to establish Malay *Kutub Khanah*. Therefore, the *Kutub Khanah* movement can be seen as an important initiative in strengthening social integration, enhancing educational standards, and fostering a spirit of patriotism among the people of Malaya during that era.

**Keywords:** Malayan Chinese Association (MCA), public library, Chinese new village, adult education class

## 1.0 Pengenalan

Selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, landskap politik di Tanah Melayu mengalami perubahan yang ketara. Kekuatan Parti Komunis Malaya (PKM) meningkat dengan ketara melalui penubuhan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA), yang mempunyai keahlian dianggarkan antara 7,000 hingga 8,000 orang. Pengukuhan ini merupakan hasil pengalaman peperangan serta kerjasama strategik PKM dengan pihak British dalam menentang pendudukan Jepun (Ho Hui Ling, 2010, p. 15–16).

Namun demikian, tamatnya peperangan tidak serta-merta membawa kestabilan politik. Kekosongan kuasa yang berlaku selama kira-kira dua minggu pada pertengahan Ogos 1945. Kelewatan pihak British kembali mentadbir telah membuka ruang kepada PKM dan MPAJA bertindak secara agresif. Dalam tempoh ini, tindakan keganasan terhadap individu yang dilabel sebagai tali barut mengorbankan seramai 2,542 nyawa daripada pelbagai kaum dan sekali gus menjejaskan hubungan antara Melayu dan Cina (Ho Hui Ling, 2010, hlm. 17). Dari perspektif analitikal, peristiwa ini menunjukkan bahawa kekosongan politik pascaperang bukan sahaja mencetuskan ketidakstabilan, tetapi juga mempercepatkan polarisasi etnik. Keganasan yang berlaku membentuk persepsi negatif antara komuniti, yang kemudian menjadi faktor utama dalam dasar keselamatan dan sosial British.

Keadaan tidak stabil ini berterusan walaupun selepas *British Military Administration* (BMA) kembali mentadbir Tanah Melayu pada awal September 1945. BMA membubarkan MPAJA pada 1 Disember 1945 serta PKM diharamkan pada 23 Julai 1948 berikutan pembunuhan tiga peladang Eropah pada 16 Jun 1948 yang menjadi pencetus kepada pengisytiharan Darurat Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 (Ho Hui Ling, 2010, hlm. 18; Ho Hui Ling, 2011, hlm. 14-17). Perkembangan ini membawa kepada penempatan semula setinggan dalam kawasan petempatan terkawal pada Mei 1949 dan penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada Februari 1949. Sementara itu, keadaan sebegini turut menjejaskan hubungan antara kaum Melayu dan Cina (Ho Hui Ling, 2010, hlm. 69-72)

Pelaksanaan dasar keselamatan termasuk penempatan semula penduduk setinggan ke kawasan petempatan terkawal (kampung baru) serta penubuhan *Malayan Chinese Association* (MCA) pada 1949 menandakan langkah strategik pihak British untuk menstabilkan komuniti Cina selepas pengharaman PKM. Perkembangan ini menunjukkan bahawa dasar ini bukan sahaja memutuskan hubungan antara masyarakat Cina dengan gerila komunis, tetapi juga menekankan perlunya pembinaan institusi politik dan sosial untuk memelihara kepentingan etnik. MCA, sebagai wakil politik masyarakat Cina yang

berperanan mengukuhkan hubungan antara kaum Melayu dan Cina serta memastikan kesejahteraan komuniti mereka

Perancangan penempatan semula telah membawa kepada pembentukan kampung baru Cina dan kehidupan masyarakat Cina yang mula dikawal. Penubuhan MCA telah mengisi kekosongan politik Cina di Tanah Melayu setelah PKM diharamkan oleh kerajaan British. Disebabkan hubungan antara kaum terjejas akibat tindakan PKM yang disebutkan di atas dan perlunya untuk menjaga kebajikan dan kepentingan masyarakat Cina, perlembagaan MCA telah menyatakan objektif penubuhan MCA adalah untuk menjaga hubungan harmoni antara masyarakat Melayu dan Cina serta memelihara kepentingan masyarakat Cina (Malaysian Chinese Association, 1949, hlm. 1).

## **2.0 Perkembangan Gerakan Kutub Khanah di Tanah Melayu**

Perkembangan gerakan Kutub Khanah di Persekutuan Tanah Melayu dapat dibahagikan kepada tiga peringkat: pengasasan (1953–1954), perkembangan (1955–1957), dan kemerosotan (selepas 1957). Pembahagian ini bukan sahaja mencerminkan perubahan kuantitatif penubuhan Kutub Khanah, tetapi juga dinamik hubungan antara faktor politik, sosial, dan antarabangsa yang mempengaruhi perkembangan gerakan tersebut. Gerakan Kutub Khanah boleh ditafsirkan sebagai instrumen pembentukan masyarakat Cina melalui pendidikan serta berfungsi sebagai medium persaingan ideologi semasa era Perang Dingin.

Sebelum permulaan gerakan Kutub Khanah yang dilancarkan oleh MCA, penubuhan Kutub Khanah oleh *United States Information Services* (USIS) di Kuala Lumpur (Februari 1950), Singapura (Mei 1950) dan Pulau Pinang (1952) menjadi titik permulaan gerakan literasi moden. Tujuan USIS adalah menyebarkan objektif dan dasar Amerika Syarikat yang disokong oleh kerajaan British sebagai langkah pembanterasan pengaruh komunis dari perspektif ideologi. Selain itu, Kutub Khanah ini mempromosikan konsep perkhidmatan percuma seperti pembekalan buku dan kelengkapan asas serta membuka akses pendidikan kepada masyarakat secara lebih meluas (Edward, 1970, hlm. 22).

Dapat disimpulkan bahawa walaupun USIS bertindak atas kepentingan politik, tetapi inisiatif ini berjaya memperkenalkan budaya bacaan percuma yang kemudian menjadi model bagi gerakan Kutub Khanah tempatan. Ini menandakan interaksi awal antara politik luar negara, dasar kolonial, dan pembangunan sosial tempatan.

## 2.1 Peringkat Pengasasan (1953–1954)

Pada penghujung 1953, Wen Tien Kuang, setiausaha Jawatankuasa Kecil Sosial, Kebajikan dan Budaya MCA bersetuju bekerjasama dengan Robert Sheeks dari *Committee For Free Asia*<sup>1</sup> untuk mendirikan Kutub Khanah di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura. Tujuannya adalah untuk meningkatkan tahap sosial, pendidikan dan budaya penduduk kampung baru Cina ketika itu. Sementara itu, penubuhan Kutub Khanah turut membolehkan penyebaran pemikiran politik yang bertentangan dengan fahaman komunis (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6).

Persefahaman antara MCA dan *Committee For Free Asia* mendorong kedua-dua pihak menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penasihat yang dianggotai oleh Siew Khai Wye (Jabatan Hal Ehwal Cina), Chang Yoong Hin (Jabatan Penerangan), Leung Cheung Ling (Jawatankuasa Kecil Sosial, Kebajikan dan Budaya MCA), Wen Tien Kuang (Jawatankuasa Kecil Sosial, Kebajikan dan Budaya MCA), Tan Kian Kee (Jawatankuasa Kecil Sosial, Kebajikan dan Budaya MCA), Robert Sheeks (*Committee For Free Asia*) dan Robert Goffard (*Committee For Free Asia*) (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6). Dengan kata lain, Jawatankuasa Penasihat ini meliputi tiga pihak, iaitu pihak kerajaan British yang diwakili oleh Jabatan Hal Ehwal Cina dan Jabatan Penerangan; pihak Amerika Syarikat yang diwakili oleh *Committee For Free Asia* dan parti politik yang mewakili masyarakat Cina iaitu MCA.

Jawatankuasa Penasihat telah mengadakan beberapa mesyuarat pada tahun 1953 dan memutuskan untuk menyediakan senarai buku yang diperuntukkan kepada Kutub Khanah yang akan ditubuhkan kemudian. Urusan ini ditentukan oleh Robert Sheeks, Siew Khai Wye dan Wen Tien Kuang. Wen Tien Kuang telah memilih sebanyak 700 buah buku untuk diserahkan kepada Siew Khai Wye dan kakitangannya untuk proses seterusnya. Disebabkan setiap buku perlu dibaca dengan teliti, maka proses semakan ini telah mengambil masa beberapa bulan (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6).

Pada Januari 1954, Robert Sheeks, Robert Goffard, Wen Tien Kuang dan Tan Kian Kee telah memutuskan untuk menubuhkan Kutub Khanah di kampung-kampung baru Cina di Persekutuan Tanah Melayu. Langkah ini termasuk penubuhan tiga hingga lima buah Kutub Khanah di kampung baru Cina yang berhampiran dengan Kuala Lumpur dalam masa tiga bulan yang bermula dari pertengahan Januari 1954 sebagai langkah percubaan. Kemudian, Jawatankuasa Penasihat juga memutuskan untuk membuat publisiti mengenai gerakan penubuhan Kutub Khanah ini (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6).

---

<sup>1</sup> Nama Committee For Free Asia ditukar nama kepada Asian Foundation pada tahun 1954.

Wen Tien Kuang dan kakitangannya bekerjasama dengan *Committee For Free Asia* dalam proses mencari lokasi yang sesuai untuk menubuhkan Kutub Khanah. Caranya adalah berjumpa dengan setiap pemimpin masyarakat Cina di kampung baru Cina; guru besar sekolah Cina dan pegawai kerajaan mengenai keadaan kampung baru Cina. Tujuannya adalah untuk meninjau dan mengenalpasti kampung baru Cina yang sesuai untuk didirikan Kutub Khanah. Jawatankuasa Penasihat memilih Jinjang Utara, Jinjang Selatan, Serdang, Sungai Way dan Semenyih sebagai lokasi permulaan Kutub Khanah di Persekutuan Tanah Melayu (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6).

Selepas mengenalpasti lokasi permulaan Kutub Khanah di Persekutuan Tanah Melayu, pasukan Wen Tien Kuang telah membantu penduduk tempatan dari segi teknikal seperti penubuhan Jawatankuasa Kutub Khanah, peraturan pinjaman buku dan kad keahlian. Pada masa yang sama, *Committee For Free Asia* telah menghantar pesanan sebanyak 2,500 buah buku dan 23 buah majalah yang telah dipilih oleh Jawatankuasa Penasihat kepada penerbit di Hong Kong. Kesemua buku dan majalah ini akan diedarkan kepada kelima-lima buah Kutub Khanah yang disebutkan di atas. USIS turut menyediakan 30 buah buku untuk Kutub Khanah (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6).

Atas usaha Jawatankuasa Penasihat Kutub Khanah, Kutub Khanah Jinjang Utara dan Kutub Khanah Jinjang Selatan dirasmikan pada 13 Mac 1954; Kutub Khanah Serdang pada 27 Mac 1954; Kutub Khanah Sungai Way pada 28 Mac 1954 dan Kutub Khanah Semenyih pada 10 April 1954. Secara purata, seramai 30 orang pelawat mengunjungi Kutub Khanah Jinjang Utara sehari dan sebanyak 24 ahli meminjam buku; seramai 20 orang pelawat mengunjungi Kutub Khanah Jinjang Selatan sehari dan sebanyak 17 ahli meminjam buku; seramai 100 orang pelawat mengunjungi Kutub Khanah Serdang sehari dan sebanyak 80 ahli meminjam buku; dan seramai 56 orang pelawat mengunjungi Kutub Khanah Sungai Way sehari (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 7).

Masalah yang dihadapi oleh keempat-empat Kutub Khanah adalah jumlah bayaran keahlian. Kutub Khanah Jinjang Utara dan Selatan tidak dapat menampung bayaran pembelian surat khabar dan penyelenggaraan asas. Menurut Jawatankuasa Kutub Khanah Jinjang Utara dan Jinjang Selatan, salah satu sebab adalah zaman kemelesetan ketika itu yang menjejaskan keupayaan penduduk tempatan untuk membayar yuran keahlian dan buku yang sedia ada tidak dapat menarik perhatian penduduk tempatan. Sementara itu, Kutub Khanah Serdang menghadapi masalah kekurangan buku dan perlu menambah buku jenis sastera dan kanak-kanak. Di samping itu, Kutub Khanah Serdang turut menghadapi masalah tidak mampu membeli surat khabar dan penduduk tempatan tidak dapat membayar yuran keahlian disebabkan kemelesetan ekonomi ketika itu (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 7).

Kesemua masalah telah direkod dan dianalisis oleh pasukan Wen Tien Kuang, kemudian beliau telah memutuskan untuk menubuhkan sebuah persatuan pusat Kutub Khanah yang dapat menggunakan pengalaman dan kejayaan penubuhan kelima-lima Kutub Khanah yang disebutkan di atas sebagai panduan kepada orang ramai yang berminat untuk menubuhkan Kutub Khanah. Persatuan pusat ini dapat memainkan peranan untuk memelihara dan menjaga Kutub Khanah sedia ada. Bagi Wen Tien Kuang, Persatuan Kutub Khanah ini perlu ditubuhkan di Kuala Lumpur dan sebuah Kutub Khanah Pusat turut perlu ditubuhkan di Kuala Lumpur supaya dapat dijadikan sebagai contoh Kutub Khanah bagi sesiapa yang berminat untuk menubuhnya. Di samping itu, persatuan pusat ini dapat memainkan peranan sebagai badan untuk menyeragamkan urusan pentadbiran setiap Kutub Khanah yang ditubuhkan (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 7).

## 2.2 Peringkat perkembangan gerakan Kutub Khanah, tahun 1955 sehingga 1958

Pada tahun 1953, Wen Tien Kuang menubuhkan sebuah persatuan pusat yang bernama “Persatuan Kutub-Khanah Orang Ramai Malaya” (*Malayan Public Library Association*, MPL) dan MPL didaftarkan pada Mac 1955 (Memorial Lim Lian Geok Bullentin, 2018, hlm. 21). Setelah MPL ditubuhkan pada tahun 1955, ia telah mengadakan mesyuarat kali pertama pada 18 September 1955. Mesyuarat ini adalah telah memutuskan untuk mengadakan pelbagai aktiviti sukan dan kesenian seperti bola keranjang, badminton, ping pong, harmonika, drama, koir dan kelab catur dalam Kutub Khanah masing-masing. Sebagai contoh, Kutub Khanah Semenyih telah menubuhkan pasukan bola keranjang, koir, badminton dan kelab catur; Kutub Khanah Pusat Kluang telah menubuhkan pasukan ping pong, koir, badminton dan harmonika dan Kutub Khanah Pusat Ipoh yang menubuhkan pasukan badminton dan koir (*Malayan Mirror*, versi Cina, 1955, hlm. 3).

Semenjak tahun 1955, penubuhan Kutub Khanah dilihat semakin berkembang. Buktinya, penubuhan sebanyak 62 buah Kutub Khanah bahasa Cina pada tahun 1955, kemudian bertambah sehingga 141 buah pada tahun 1956; 175 buah pada tahun 1957; 156 buah pada tahun 1958; dan 150 buah pada tahun 1959 dan 1960. Di samping itu, Kutub Khanah bahasa Melayu juga turut ditubuhkan. Sebagai contoh, sebanyak 22 buah ditubuhkan pada tahun 1952 dan kemudian berkembang sehingga 56 buah pada tahun 1957; 73 buah pada tahun 1958; 82 buah pada tahun 1959 dan berkurangan sehingga 80 buah pada tahun 1960 (Edward, 1970, hlm. 27).

MPL telah mengambil alih kelas pendidikan dewasa apabila MCA dilarang menjual tiket loteri kebajikan pada tahun 1953 di mana jualan hasil tiket ini merupakan sumber

kewangan kelas pendidikan dewasa. Menurut Xing Guang Sheng (邢广生)<sup>2</sup>, penubuhan kelas pendidikan dewasa oleh MCA bertujuan untuk memberi peluang kepada penduduk kampung baru Cina untuk mempelajari ilmu terutama golong pemuda yang merupakan buta huruf. Pada peringkat awal, kelas pendidikan dewasa diadakan di asrama sekolah di kampung baru Cina. Pengajar merupakan guru sekolah Cina dan kelas diadakan pada waktu malam bagi keselesaan golongan dewasa yang bekerja. MPL telah menetapkan Huang Yao (黄尧) sebagai pengarang bagi piawaian kurikulum kelas pendidikan dewasa. Biasanya, Kutub Khanah yang mengadakan kelas pendidikan dewasa akan membiayai gaji pengajar berkenaan. Untuk tujuan penubuhan kelas pendidikan dewasa, MPL turut menyediakan sebuah majalah bulanan “New Horizon” (新智识) pada tahun 1956 (Memorial Lim Lian Geok Bullentin, 2018, hlm. 24-25). Selain itu, MPL turut menyediakan biasiswa kepada pelajar sekolah Cina dan Universiti Nanyang, mengadakan kelas tarian, kelas nyanyian dan pasukan drama untuk kutipan derma bagi Kutub Khanah (Edward, 1970, hlm. 29).

Dapat disimpulkan bahawa penubuhan MPL pada Mac 1955 menandakan formaliti institusi gerakan Kutub Khanah. MPL bukan sahaja menguruskan operasi Kutub Khanah, tetapi juga memperkenalkan aktiviti sosial, kebudayaan, dan sukan dalam Kutub Khanah seperti pasukan bola keranjang, koir, drama, dan kelab catur. Pertumbuhan kuantitatif Kutub Khanah bahasa Cina dan Melayu menunjukkan keberkesanan strategi pendidikan dan sosial ini. Dari perspektif kritikal, inisiatif ini mencerminkan pendekatan *soft power* MCA, di mana pendidikan dan aktiviti komuniti digunakan untuk menarik golongan muda menjauhi pengaruh komunis serta mengukuhkan pengaruh politik MCA di peringkat akar umbi. MPL juga menyediakan kelas pendidikan dewasa, biasiswa, dan majalah bulanan “New Horizon” sebagai mekanisme pembangunan modal insan dalam masyarakat Cina.

### 2.3 Peringkat kemerosotan gerakan Kutub Khanah, selepas tahun 1958

Bagaimanapun, perkembangan pergerakan Kutub Khanah ini terbantut selepas kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1957. Sebab pertama, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengumumkan undang-undang baru melarang pertubuhan luaran ditubuhkan di sekolah. Oleh kerana sebahagian besar Kutub Khanah ditubuhkan melalui sekolah Cina, maka penyistiharan undang-undang ini telah menyebabkan Kutub Khanah berkenaan terpaksa dibubarkan (*Malaysian Public Library*, 1977). Sebab kedua, kerajaan mengharamkan buku-buku yang diterbitkan oleh 18 penerbit buku Cina yang

---

<sup>2</sup> Xing Guang Sheng merupakan ketua Kutub Khanah Kuala Lumpur.

berasal dari Hong Kong dan China. Larangan ini telah menjejaskan simpanan buku Kutub Khanah sedia ada dan operasi (Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang, 2014, hlm. 39). Sebab ketiga, pengunduran Wen Tien Kuang, penggerak utama gerakan Kutub Khanah dari MCA pada tahun 1958 (*Nanyang Siang Pao*, 1958, hlm. 9). Sebab keempat, *Asia Foundation* telah menghentikan bantuan kewangan kepada MPL atau Kutub Khanah pada peringkat ini. (Edward, 1970, hlm. 28).

Walau bagaimanapun, legasi Kutub Khanah masih wujud dengan Pusat Penyelidikan Dan Perkembangan, Perpustakaan Awam Malaysia, Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang (Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang, 2014, hlm. 301) dan Kutub Khanah Chemor (*Chemor Pulic Library*), Perak sebagai contoh institusi yang terus beroperasi sehingga kini.

### 3.0 Kepentingan Kutub Khanah Kepada MCA Dan Masyarakat Cina

Kutub Khanah ditubuhkan untuk memenuhi dua objektif. Pertama, untuk meningkatkan tahap sosial, pendidikan dan budaya penduduk kampung baru Cina ketika itu. Kedua, untuk menyekat penyebaran pemikiran politik yang berfahaman komunis. Penubuhan Kutub Khanah sememangnya dapat mencapai matlamat meningkatkan tahap sosial, pendidikan dan budaya penduduk kampung baru Cina. Ini dapat dilihat menerusi keterangan Wong See Choon di mana Kutub Khanah Kampung Baru Ampang Bharu, Ipoh, Perak merupakan tempat bagi para pemuda di kampung baru ini untuk mempelajari ilmu baru. Malah, merupakan tempat untuk mengadakan aktiviti sosial seperti permainan bola keranjang. Bagaimanapun, objektif kedua penubuhan Kutub Khanah ini gagal tercapai kerana mereka akan menyorok kandungan buku atau majalah yang meenyokong unsur nilai Amerika Syarikat.<sup>3</sup>

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tanggungjawab utama MCA adalah untuk memelihara kebajikan masyarakat Cina. Justeru, penubuhan Kutub Khanah ini dilihat dapat meningkatkan ilmu masyarakat Cina. Akan tetapi, perkembangan politik antarabangsa dan perkembangan dalam negara telah membantutkan perkembangan Kutub Khanah.

Penubuhan Kutub Khanah merupakan strategi perjuangan MCA dari tahun 1955 sehingga 1958. Bagi MCA, penubuhan Kutub Khanah dapat mencapai objektif pertama Perlembagaan MCA, iaitu menjaga hubungan antara kaum di Persekutuan Tanah Melayu

---

<sup>3</sup> Temuduga dengan Wong See Choon (黄士春) pada 24 April 2023. Wong See Choon ialah bendahari *Ampang Bharu Public Library*, Ipoh, Perak tahun 1958.

dan kedua, menjaga kepentingan ahlinya dari segi politik, sosial, budaya dan ekonomi. Dengan adanya Kutub Khanah, ia dapat mengurangkan pengaruh fahaman komunis di kampung baru Cina. Golongan muda-mudi di kampung baru dapat ditarik kepada pencarian ilmu baru dan pelbagai aktiviti sukan dan budaya. Sementara itu, MPL turut membantu menubuhkan Kutub Khanah Melayu seperti *Kampung Bharu Public Library* di Kelab Sultan Suleiman, Kampung Bharu, Kuala Lumpur; *Sungai Buloh Public Library* di Madarasah Karimiah, Sungai Buloh, Selangor; *Tangkak Public Library* di Rumah *United Malays National Organisation* (UMNO) Tangkak, Johor, dan *Bagan Datok Public Library* di Bagan Datok Madarsah Ulum, Batu 20, Bagan Datok, Perak. Kutub Khanah Melayu membawa kaum Cina menguasai bahasa Melayu dan membantu dalam mengeratkan hubungan antara kaum. Penubuhan Kutub Khanah Melayu juga dapat meningkatkan peratusan celik huruf (*Malaysian Chinese Association*, 1955; *Malayan Public Library Association*, 1957, hlm. 16-17).

Bantuan MPL bagi penubuhan Kutub Khanah di Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura termasuk bantuan teknikal, pembekalan sumber buku-buku dan pertolongan menubuhkan Kutub Khanah. Bantuan teknikal yang diberikan oleh MPL merujuk kepada peraturan penubuhan Kutub Khanah, peraturan pinjam buku, dan sistem aturan buku. Kemudian, MPL turut membantu pembekalan buku-buku di mana buku-buku diterima daripada *Commutee For Free/Asian Foundation* dan Jabatan Penerangan Amerika Syarikat. Pertolongan penubuhan kutub khanah termasuk membantu ahli jawatankuasa penubuhan Kutub Khanah tempatan mengenalpasti lokasi kutub khanah, memberi promosi mengenai penubuhan Kutub Khanah kepada rakyat tempatan serta memberi kursus kepada ahli jawatankuasa penubuhan kutub khanah dan pegawai perpustakaan. (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 5)

Hubungan antara MCA dengan masyarakat Cina menjadi lebih erat dengan adanya Kutub Khanah kerana pengasas atau ahli jawatankuasa Kutub Khanah adalah pemimpin MCA. Sebagai contoh, Fu Kon Shin, pengerusi Kutub Khanah Jinjang adalah pengerusi MCA Jinjang Utara dan Chung Woon Shui, Timbalan Presiden Kutub Khanah Semenyih adalah pengerusi MCA Semenyih. (*Malayan Mirror*, 1954, hlm. 6). Ketiga, Kutub Khanah dilihat sebagai salah satu usaha MCA memelihara kepentingan masyarakat Cina dalam isu pendidikan Cina.

Pendek kata, Kutub Khanah berfungsi sebagai instrumen sosial dan alat politik. Dari segi sosial, ia menyediakan akses pendidikan dan ruang interaksi sosial, membolehkan golongan muda mempelajari ilmu baharu serta menyertai aktiviti sukan dan budaya. Secara kritikal, walaupun objektif membanteras pengaruh komunis kurang berkesan

sepenuhnya kerana penapisan buku oleh komuniti tempatan, Kutub Khanah tetap berfungsi sebagai medium pengukuhan modal insan dan mobiliti sosial.

Dari perspektif politik, Kutub Khanah menjadi strategi MCA untuk mengukuhkan pengaruh politik dan sosial mereka di peringkat akar umbi. Kepimpinan MCA dalam jawatankuasa Kutub Khanah memperkukuh hubungan antara MCA dan masyarakat Cina, serta menegaskan bahawa institusi sosial boleh diguna sebagai alat legitimasi politik. Penubuhan Kutub Khanah Melayu dan aktiviti antara etnik menunjukkan bahawa gerakan ini turut menyumbang kepada integrasi sosial dan pembinaan identiti nasional serta sekaligus mengurangkan jurang sosial dan meningkatkan literasi antara kaum

#### 4.0 Kesimpulan

Bagi masyarakat Cina pula, Kutub Khanah telah dijadikan sebuah tempat yang membolehkan masyarakat Cina menjalankan aktiviti sosial di kampung baru Cina memandangkan penduduk Cina tidak dibenarkan keluar dari kampung baru dalam masa tertentu sewaktu Darurat. Sehingga hari ini, Kutub Khanah ini dilihat sebagai salah satu detik yang sukar dilupakan oleh penghuni ketika itu.<sup>4</sup> Sehingga hari ini, Kutub Khanah yang masih beroperasi adalah Pusat Penyelidikan Dan Perkembangan, Perpustakaan Awam Malaysia di Universiti HELP, Kuala Lumpur dan Kutub Khanah Awam Sungai Lembing, Sungai Lembing, Pahang sahaja.

Penubuhan Kutub Khanah oleh MCA pada tahun 1953 dapat memenuhi hasrat kerajaan kolonial British sewaktu Darurat, iaitu membanteras kekuatan Parti Komunis Malaya di Persekutuan Tanah Melayu dan mengubah imej masyarakat Cina yang kebanyakannya menyokong komunis. Malah, ia dapat dijadikan salah satu strategi perjuangan MCA, iaitu memelihara kepentingan masyarakat Cina seperti yang termaktub dalam Perlembagaan MCA. Kutub Khanah turut menjalinkan hubungan erat antara MCA, kerajaan British dan agensi Amerika Syarikat.

Bagi masyarakat Cina, Kutub Khanah ini dilihat sebagai salah satu alternatif pendidikan bagi pemuda Cina ketika itu yang tidak dapat menerima pendidikan rasmi di sekolah Cina akibat Perang Dunia Kedua pada penghujung tahun 1941 sehingga 1945. Malah, Kutub Khanah turut dijadikan sebagai tempat menjalankan aktiviti budaya dan bersukan bagi penduduk kampung baru Cina. Keadaan ini bukan sahaja dapat

---

<sup>4</sup> Temuduga dengan Encik Wong See Choon pada 13 April 2023 di Ipoh, Perak dan Encik Ho Ping Sia pada 24 April 2023 di Kuala Lumpur. Encik Wong merupakan bekas ahli Jawatankuasa Khutub Khanah Kampung Baru Ampang, Ipoh, Perak manakala Encik Ho adalah pengasas kepada Khutub Khanah Papan, Perak.

mengurangkan pengaruh komunis terhadap masyarakat Cina, malah ia dapat mengisi masa lapang akibat polisi kerajaan yang tidak membenarkan mereka keluar dari kampung baru pada masa tertentu.

Kenyataan ini telah dibuktikan melalui sesi temuduga dengan Encik Wong See Choon dan Encik Ho Ping Sia. Menurut Encik Wong See Choon, Khutub Khanah Kampung Baru Ampang, Ipoh merupakan satu-satunya tempat bagi penduduk setempat untuk membuat aktiviti sukan dan pembelajaran selepas kerja sama ada waktu petang atau hari rehat. Sementara itu, Khutub Khanah Papan, Perak turut memainkan peranan yang sama bagi penduduk setempat Papan, Perak. Dengan itu, sememangnya gerakan khutub khanah telah mencapai objektifnya, iaitu membanteras pengaruh komunis daripada masyarakat Cina setempat. Malah, ia turut mengeratkan hubungan masyarakat Cina setempat dengan MCA.

Disebabkan MPL turut menubuhkan khutub khanah Melayu dan pertubuhan drama Melayu sepanjang tahun 1957 untuk meningkatkan tahap pendidikan masyarakat Melayu serta memberi bantuan kewangan kepada cawangan UMNO di Malim Nawar pada 23 Julai 1957. Perkembangan ini turut memperkukuhkan hubungan harmoni antara masyarakat Melayu dan Cina.

Kesimpulan, Gerakan Kutub Khanah merupakan institusi penting dalam membentuk landskap pendidikan, sosial, dan politik masyarakat Cina semasa Darurat. Ia bukan sahaja menyediakan pendidikan alternatif dan ruang aktiviti sosial dalam tempoh kawalan pergerakan, tetapi juga berfungsi sebagai alat strategi MCA untuk mengukuhkan pengaruh politik, menyekat pengaruh komunis, dan memperkukuh hubungan dengan kerajaan British dan agensi Amerika Syarikat.

Di samping itu, inisiatif MPL dalam menubuhkan Kutub Khanah Melayu serta aktiviti pendidikan dan drama menunjukkan bahawa gerakan ini turut menyumbang kepada integrasi sosial antara etnik, menggalakkan interaksi budaya dan memperkukuh identiti nasional. Walaupun cabaran seperti perubahan politik dan pengharaman bahan bacaan menjejaskan kelestarian gerakan ini, legasi Kutub Khanah tetap relevan, dengan beberapa institusi masih beroperasi hingga kini.

Secara kritikal, Gerakan Kutub Khanah membuktikan bahawa institusi yang berasas dengan komuniti boleh menjadi medium efektif dalam pembangunan modal insan, integrasi sosial, dan pengurusan pengaruh ideologi dalam masyarakat berbilang etnik. Kejayaannya terletak pada gabungan pendekatan pendidikan, sosial, dan politik yang seiring dengan keperluan masyarakat pada masa itu.

## Rujukan

- Edward, L. H. T. (1970). *Libraries in West Malaysia and Singapore: A short history*. University of Malaya Library.
- Ho, H. L. (2010). *Pembanterasannya Komunis di Tanah Melayu*. Penerbit: Universiti Malaya.
- Ho, H. L. (2011). *Darurat 1948–1960: Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Penerbit: Universiti Malaya.
- Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang. (2014). *Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang 60th anniversary, 1954–2014*. Kutub Khanah Awam Sungai Lembing Pahang.
- Malayan Mirror. (1953–1957).
- Malayan Public Library Association. (1957). *Senarai Kutub Khanah, Disember 1957*. Malayan Public Library Association.
- Malaysian Chinese Association. (1949). *Perlembagaan MCA*. Malaysian Chinese Association.
- Malaysian Chinese Association. (1955). *Perlembagaan MCA*. Malaysian Chinese Association.
- Malaysian Public Library. (1977, August). *Keratan surat khabar Cina*. Malaysian Public Library.
- Memorial Lim Lian Geok Bulletin. (2018, January).
- Nanyang Siang Pau. (1958–1959, 1972–1973, 1975, 1978, 1981).